

07 DEC 2002

Mahathir-Keganasan (Bergambar)

CARA TANGANI ISU KEGANASAN SEKARANG KURANG BIJAK, KATA DR M

PUTRAJAYA, 7 Dis (Bernama) -- Cara masalah keganasan ditangani sekarang ini "tidak bijak" kerana apa sahaja langkah yang diambil untuk membanteras gejala itu hanya memburukkan lagi keadaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Buat masa ini cara kita menangani serangan pegganas ini tidak begitu bijak. Mereka (yang membanteras keganasan di peringkat global) memburukkan lagi keadaan," katanya.

Beliau berkata, cara-cara yang digunakan sekarang untuk menangani isu keganasan menakutkan lagi orang khususnya apabila mereka dalam perjalanan.

"Saya rasa kita tidak akan merasa selamat dalam perjalanan dan apabila orang tidak rasa selamat untuk menggembara atau gunakan penerbangan, perniagaan tidak dapat dijalankan dan itu menjejaskan ekonomi dunia," kata beliau kepada pemberita selepas rumah terbuka Aidilfitri beliau bagi orang-orang kenamaan asing, para diplomat dan pemimpin-pemimpin tempatan di sini, hari ini.

"Kita mahu memastikan tidak lagi akan berlaku serangan pegganas. Kita mungkin tidak suka mengapa mereka (pegganas) melakukan perkara ini tetapi hakikatnya ialah jika anda tidak cuba cari punca (serangan pegganas), keganasan akan berterusan dan jika anda memburukkan lagi keadaan kita akan terus hidup dengan keganasan untuk tempoh masa yang lama," kata beliau lagi.

Dr Mahathir berkata "sebagai contoh anda lihat tentera Israel bunuh orang awam dan dunia tidak menghalang Israel."

"Tetapi mereka mahu menghalang orang Palestin tetapi bukan Israel. Kanak-kanak dibunuh, jika sebuah rumah disyaki mempunyai pegganas di dalamnya seluruh rumah itu diranapkan bersama penghuni di dalamnya.

"Pada satu ketika mereka (Israel) menangkap pegganas yang mereka kenalpasti tetapi kini mereka turut memusnahkan rumah orang yang disyaki itu. Mereka juga mensasarkan seluruh penempatan, memusnahkan penempatan-penempatan itu, jika ada dua atau tiga orang yang disyaki sebagai pegganas berada di bandar, mereka musnahkan seluruh bandar," kata beliau.

Dr Mahathir berkata tindakan-tindakan ini menjadikan orang marah "dan apabila orang marah adalah sukar untuk menghentikan mereka daripada menunjukkan kemarahan mereka dengan satu-satunya cara iaitu melalui serangan pegganas."

Mengenai satu lagi hal, Dr Mahathir berkata beliau tidak pernah mengharapkan Perdana Menteri Australia John Howard memohon maaf kerana kenyataannya awal minggu ini yang Canberra tidak akan teragak-agak untuk melancarkan serangan pendahulu terhadap tempat-tempat yang disyaki kubu pegganas di negara-negara jiran jika kehadiran pegganas itu mengancam Australia.

Para pemimpin Asia Tenggara dan rakyat telah menyatakan kemarahan mereka dan membidas pendirian Howard itu.

"Itu tidak apa, lagipun kita tidak harapkan beliau (Howard) untuk memohon maaf," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SR RV PR